

Caj permit masuk kenderaan asing kekal RM20

PADANG BESAR 20 Sept. - Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi berkata, caj Permit Kemasukan Kenderaan (VEP) ke atas kenderaan asing yang masuk ke negara ini melalui Johor mungkin kekal sebagaimana cadangan sebelum ini iaitu RM20.

Beliau berkata, caj itu akan dilaksanakan selewat-lewatnya. penghujung tahun ini. "Kadar bayarannya mungkin sama (RM20).

Kita menunggu sedikit penyelarasan lagi sebelum VEP dapat dilaksanakan. Setakat ini, percubaan (VEP) telah dijalankan dan berjalan lancar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas penutupan Program Perkhemahan Kadet Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Peringkat Kebangsaan di Pusat Kokurikulum Jabatan Pendidikan negeri di Timah Tasoh, di sini hari ini.

Ab. Aziz mengulas cadangan kerajaan baru-baru ini untuk mengenakan caj VEP sebanyak RM20 ke atas kenderaan asing yang memasuki negara ini dari Singapura.

Pelbagai pihak bagaimanapun menganggap caj itu rendah berbanding bayaran dikenakan negara jiran tersebut iaitu RM85.70 ke atas kenderaan dari Malaysia.

Dalam pada itu Nadzri berkata, JPJ yakin isu kenderaan klon akan dapat ditangani dengan pelaksanaan VEP di pintu-pintu masuk sempadan negara.

Beliau yang mengakui isu kenderaan klon masih berlaku memberitahu, sejak Disember tahun lalu sahaja sebanyak 2,200 buah kenderaan klon berjaya disita.

"Paling tinggi bilangan kenderaan klon adalah dari Johor dan Selangor," katanya. Dalam pada itu beliau memberitahu, JPJ telah berjaya mengeluarkan lesen mernandu kepada 35,000 pelajar di seluruh negara yang tidak memiliki dokumen tersebut menerusi program MyLesen sehingga kini.

Katanya, jumlah itu merupakan 30 peratus daripada 117,000 pelajar yang dikenal pasti tidak memiliki lesen memandu tapi menunggang motosikal ke sekolah.

SUMBER : UTUSAN MALAYSIA | M/S: 34 | 21 SEPTEMBER 2016